

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**  
**TARIKH** : **10.06.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah bilangan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang jauh melebihi kekosongan tempat program-program universiti yang digemari mereka sehingga ramai tidak berpeluang untuk memasuki program-program pilihan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira agama, jantina, bangsa, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum pemohon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pada masa ini, kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan sangat terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program

pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Kementerian amat prihatin dengan pemohon yang memperoleh merit yang tinggi tetapi tidak mendapat tawaran di mana-mana IPTA. Pemohon berkaitan berpeluang menerima tawaran berdasarkan tiga (3) bidang pilihan yang dipilih oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan. Tawaran tersebut tertakluk kepada kekosongan tempat di IPTA dan pernyataan setuju terima pemohon untuk menerima tawaran di luar pilihan program pengajian mereka.

Rjm21

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6816**

**SOALAN:**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan menyeluruh yang dirangka oleh Kementerian untuk menangani jenayah terancang termasuk pengedaran dadah, judi haram dan sebagainya dari terus berleluasa.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti jenayah berat yang berlaku adalah melibatkan kumpulan kongsi gelap dan *Thug Gang*. Di antara jenayah kekerasan yang ketara berlaku kebelakangan ini adalah kes-kes bunuh, cuba bunuh, samun, mendatangkan cedera, pemerasan dan ugutan dan pengedaran dadah. Dari penyiasatan polis, lazimnya kegiatan kongsi gelap tidak terlibat dengan pecah rumah atau curi, kes berkenaan kebiasaannya dilakukan oleh penagih dadah atau individu yang tidak menganggotai mana-mana kumpulan kongsi gelap.

Bagi membendung kegiatan kongsi gelap ini dari berleluasa, pihak PDRM telah melancarkan Operasi Khas yang dikenali sebagai Op Cantas Khas – *Total Enforcement* yang bermula pada 17 Ogos 2013. Susulan itu, pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STAFOC)* dan *Special Tactical Intelligence Narcotic Group (STINGS)* ditubuhkan bagi memerangi jenayah secara menyeluruh. Operasi ini dilaksanakan bertujuan untuk membuat pengesanan, pemantauan dan pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap dan *Thug Gang* melalui kaedah berikut:

- i) Mengumpul risikan dan mengenalpasti kumpulan sasaran yang akan dibuat tapisan serta mendapatkan keterangan-

keterangan yang boleh menyokong untuk tujuan mendakwa mereka yang ditangkap di Mahkamah atas apa juga kesalahan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan;

- ii) Melaksanakan dokumentasi/rakaman percakapan risikan untuk tujuan penyimpanan data (*Indexing*) perkara yang berkaitan aktiviti-aktiviti kongsi gelap dan *Thug Gang*;
- iii) Membuat pemantauan supaya ahli-ahli kumpulan kongsi gelap, *Thug Gang* dan orang-orang yang dikehendaki (*wanted person*) tidak terlepas lari ke negara jiran. Pemeriksaan akan dibuat di pintu masuk di seluruh negara dan juga pemantauan di lorong-lorong tikus; dan
- iv) Membuat pemeriksaan dan pengeledahan di tempat persembunyian, tempat yang sering dikunjungi dan markas kumpulan kongsi gelap untuk mencari senjata-senjata berbahaya yang digunakan oleh kumpulan tersebut.

PDRM telah meningkatkan kepolisan konvensional dan mengaplikasikan *community policing* serta mewujudkan kerjasama positif dengan masyarakat komuniti untuk membantu menangani masalah jenayah dengan membentuk kerjasama strategik melalui *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dan penggunaan strategi ini merangkumi inisiatif-inisiatif berikut:

**i) Rondaan Bersama PDRM Dan ATM**

Sejumlah 14 buah Kontinjen terlibat dalam penugasan pencegahan jenayah yang melibatkan kerjasama rondaan bersama ATM dan PDRM. Tugas-tugas yang dijalankan adalah seperti rondaan berjalan kaki, bermotosikal dan kereta peronda. Rondaan rapat meliputi 40 kawasan di 11 Kontinjen kecuali Kuala Lumpur, Terengganu dan Perlis. Program ini telah diperluaskan lagi dengan penambahan kawasan yang berjumlah 70 kawasan rondaan di mana diperluaskan lagi ke KLIA 2 yang telah beroperasi pada 2 Mei 2014.

**ii) Program Pelajar Sekolah Berwawasan**

Program ini merupakan inisiatif kerajaan untuk membendung dan menangani masalah sosial dikalangan pelajar-pelajar sekolah dengan menerapkan elemen-elemen disiplin dan jati diri pada pelajar-pelajar sekolah dalam usaha bersama membanteras jenayah. Program ini melibatkan usaha sama di antara ATM, PDRM dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), di mana ATM merupakan peneraju utama program ini. Untuk tahun 2014 sebanyak 66 sekolah terlibat iaitu Pulau Pinang (6 sekolah), Selangor (9 sekolah), Melaka (10 sekolah), Johor (11 sekolah), Kedah (13 sekolah), Negeri Sembilan (10 sekolah) dan Terengganu (7 sekolah). Program *Summer Camp* akan

diadakan di pengkalan Kem PGA Ulu Kinta, Perak, Kem Syed Sirajuddin Gemas, Negeri Sembilan, Pusat Latihan TLDM Tg Pengeleh, Johor, Kem TUDM Alor Setar Kedah, Kem TDM Port Dickson dan Pulapol Dungun, Terengganu yang melibatkan 2,640 orang pelajar sekolah.

**iii) Pengambilan 50,000 Sukarelawan Polis Dalam Tempoh 5 tahun**

Kerajaan telah bersetuju untuk pengambilan 50,000 orang anggota sukarelawan polis dalam tempoh lima tahun sehingga tahun 2018. Sebagai permulaan proses pengambilan telah dilakukan dalam tahun 2014. Sebanyak 17,272 permohonan telah diterima di seluruh negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 4,019 calon telah berjaya dan akan dilatih dalam masa terdekat. Pada masa kini, kekuatan sukarelawan simpanan polis adalah berjumlah 13,397 orang di seluruh negara.

**iv) Penubuhan AMANITA**

Penglibatan Surirumah Melalui Program Keselamatan Kejiranan Dengan Pelantikan Pegawai Polis Wanita Di Setiap Balai (*AMANITA*) yang berperanan sebagai "*Neighbourhood Safety*". Seramai 167 pegawai polis wanita di peringkat kontinjen atau daerah telah dilantik. AMANITA bertujuan bertemu dan berkenalan dengan surirumah dan kaum wanita

**bagi membina hubungan dan keyakinan terhadap pihak polis di samping bekerjasama dalam membendung jenayah.**

**Pihak Kementerian mempercayai dengan langkah yang di ambil melalui Op Cantas ini dan juga dengan penubuhan Jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ) dalam pasukan polis, masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat ditangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membenteras jenayah. Wakil-wakil rakyat tanpa mengira idelogi politik masing-masing untuk bersama membantu mengurangkan kadar jenayah dan anggaplah masalah jenayah sebagai agenda nasional yang memerlukan komitmen semua pihak bukan diletakkan sepenuhnya di bahu pihak penguatkuasaan semata-mata.**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6817**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian kemalangan jalan raya dari tahun 2008 sehingga sekarang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah kemalangan jalanraya sejak tahun 2008 telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Statistik kematian akibat kemalangan jalanraya bagi seluruh negara bagi tahun 2008 sehingga tahun 2014 (April) seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014 (APRIL)</b>
<b>KEMATIAN</b>	<b>6,527</b>	<b>6,745</b>	<b>6,872</b>	<b>6,877</b>	<b>6,917</b>	<b>6915</b>	<b>2172</b>